

ISLAMISASI ILMU : SATU ANALISA KRITIKAL

Disediakan oleh : Mahfuzah Mohd. Zabidi (P36921)

Diselia oleh : Dr. Ab. Halim bin Tamuri

1.0 Pendahuluan

Dalam kertas ini, penulis akan memfokuskan kepada aspek-aspek penting yang disentuh oleh para sarjana Islam dalam perbincangan mengenai Islamisasi ilmu untuk dianalisa dan dibandingkan, khususnya pandangan 2 tokoh perintis Islamisasi ilmu iaitu Syed Naquib Al Attas dan Ismail Raji Al Faruqi. Aspek-aspek tersebut merangkumi pengenalan, takrif, skop atau bidang serta metodologi Islamisasi ilmu.

Dengan menyatakan persetujuan terhadap gagasan Islamisasi ilmu, penulis memasukkan perbincangan mengenai kepentingan Islamisasi ilmu lantaran wujudnya golongan yang “skeptical” terhadapnya, baik dari golongan ilmuan tradisional Islam mahupun ilmuan Islam yang berpendidikan Barat.

2.0 Pengenalan Islamisasi Ilmu

Islamisasi ilmu telah lama wujud semenjak perutusan Rasulullah S.A.W. lebih 1400 tahun yang lalu. Dalam tempoh penurunan wahyu selama 23 tahun, baginda telah mengubah paradigma jahiliyyah dari pelbagai sudut dalam kehidupan manusia kepada prinsip rabbaniyyah dan tauhid kepada Allah S.W.T.

Proses Islamisasi ilmu lebih jelas kedapatan pada era pemerintahan Abasiyah yang mana kegemilangan Islam telah memuncak. Sarjana-sarjana Islam pada zaman tersebut diberi amanah dan kepercayaan untuk menterjemah dan sekaligus mengislamisasikan karya-karya Greek, Parsi dan India ke dalam Bahasa Arab (Mohd. Aris Othman, 2006).

Sehingga akhir kurun yang ke-19, Islamisasi ilmu masih menjadi perhatian utama sarjana Muslim. Mohd. Iqbal dan Al Mawdudi adalah antara tokoh yang berusaha dalam gerakan mengembalikan masyarakat kepada Islam menerusi ilmu yang berteraskan Al Quran dan As Sunnah agar pengaruh ideologi Barat dalam minda dan kehidupan Muslim dapat dihapuskan (Abd. Rashid Moten, 2006).

Ini disebabkan oleh, cara hidup umat Islam telah dipengaruhi oleh kebudayaan dan ketamadunan Barat yang tumbuh dari pandangan alam sekular (*secular world view*), akibat tempoh penjajahan yang panjang. Dengan kesedaran tersebut, umat Islam mula bergerak untuk membebaskan diri mereka daripada cengkaman sekularisme melalui gerakan Islamisasi ilmu (Rosnani Hashim, Imron Rossidy, 2006).

Frasa Islamisasi ilmu pertama sekali digunakan oleh Syed Naquib Al Attas dalam buku beliau yang bertajuk, “Islam and Secularism” pada tahun 1978 (["http://en.wikipedia.org/wiki/Islamization_of_knowledge"](http://en.wikipedia.org/wiki/Islamization_of_knowledge)).

Selanjutnya, hasil dari pandangan yang dilontarkan oleh Al Attas dalam persidangan Muslim Sedunia mahupun penulisan beliau dalam makalah-makalah, salah satu sarjana Islam yang memberi respon secara serius terhadap gagasan ini adalah Ismail al Faruqi pada tahun 1982.

Beliau telah mempopularkan konsep Islamisasi Ilmu dalam lingkungan perbincangan ahli akademik Muslim yang sampai sekarang menjadi asas perkembangan idea mengenainya, melalui buku, “Islamization of Knowledge : General Principles and Work Plan” pada tahun 1982.

Al Faruqi melihat kelesuan ummah (the malaise of the ummah) berpunca dari masalah dalam sistem pendidikan dualisma di negara-negara Islam. Hasilnya, ilmu pengetahuan moden dan kebudayaan Barat, khususnya sekularisme mempengaruhi kepercayaan Muslim dan cara hidup Muslim termasuklah bidang politik, ekonomi dan kebudayaan serta agama.

Perbincangan yang berterusan dalam kalangan sarjana Muslim juga telah melahirkan istilah-istilah yang agak sinonim dengan hasrat Islamisasi ilmu iaitu *desecularization*, *dewesternization* dan *holistic integration of knowledge*. Pengistilahan bahasa Arab pula dinyatakan sebagai *Islamiyatul Ma'rifah*. Kesemua istilah ini berkongsi tujuan yang sama iaitu agar ilmu semasa konsisten dengan paradigma tauhid (Rosnani Hashim & Imron Rossidy, 2006).

3.0 Kepentingan Islamisasi terhadap Umat Islam

Bagi Al Attas Islamisasi ilmu sangat penting bagi mengatasi pengaruh sekular yang membelit kehidupan umat Islam dalam pelbagai aspek, termasuklah sistem pentadbiran, ekonomi dan sosial-budaya. Malah tidak ketinggalan, sistem pendidikan di negara-negara Islam.

Al Attas menyatakan bahawa negara Barat yang menjajahi orang-orang Islam telah menjalankan 2 tindakan penting. Pertamanya adalah memutuskan Kaum Muslimin daripada ilmu pengetahuan mengenai Islam menerusi sistem pendidikan dan yang keduanya ialah dengan memasukkan secara halus ke dalam sistem pendidikan itu, faham ilmu Barat yang menggantikan unsur, nilai dan konsep Islam serta memutuskan kebudayaan Islam dalam kalangan umatnya (Al Attas, 2001). Walaupun kebanyakan negara Islam sudah pun merdeka, namun kesan tindakan penjajah Barat masih wujud hingga ke hari ini.

Menurut Al Attas lagi, ilmu pengetahuan masa ini, secara keseluruhannya dicirikan oleh perkara-perkara berikut. Pertamanya, ilmu moden kini dibangun, ditafsir dan diarahkan melalui pandangan alam, kerangka intelektual dan peradaban Barat yang dirangkumkan mempunyai ciri-ciri yang saling berkaitan iaitu meletakkan kekuatan akal semata-mata untuk membimbing manusia mengharungi kehidupan. Kedua, ilmu moden juga setia mengikut kesahihan sikap dan kaedah penduaan (*dualism*) tentang realiti dan kebenaran.

Ketiga, ia (ilmu moden) membenarkan aspek kehidupan duniawi yang menentengahkan suatu pandangan hidup sekular. Keempat adalah pembelaan ilmu moden terhadap doktrin humanisme dan yang terakhir sekali adalah peniruannya terhadap drama dan tragedi yang dianggap sebagai realiti sejagat dalam kehidupan spiritual atau kehidupan manusia iaitu dengan menjadikan drama dan tragedi sebagai unsur hakiki dan berpengaruh dalam jati diri dan kewujudan manusia (Al Attas dalam Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2005).

Selanjutnya, unsur-unsur asing dari pandangan Barat yang dinyatakan di atas menyebabkan timbul fenomena yang dipanggil oleh Al Attas sebagai “deislamisasi”.

“Deislamisasi” ini berlansung dari proses penyamarataan kategori dasar pengetahuan iaitu fardhu ain dan fardhu kifayah sehingga mendorong kejahilan dan kebingungan terhadap hakikat dan pendekatan terhadap kedua-duanya (Al Attas dalam Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2005).

Dalam sistem pendidikan, kerangka pengajian orientalis yang menggunakan nilai dan model Barat telah menyerap masuk dan mensekularkan ilmu-ilmu dari segi kandungan dan metodologinya, sama ada pembelajaran di peringkat rendah ataupun peringkat pengajian tinggi dengan menekankan budaya sekular, nasionalisme, etnis dan tradisional yang bertentangan dengan Islam (Al Attas dalam Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2005).

Bertitik tolak dari masalah ini, Al Attas telah menggagaskan “Islamisasi ilmu Pengetahuan Semasa” sebagai respon dan ubat terhadap pengaruh sekular yang membarah dalam pemikiran dan budaya hidup masyarakat Islam umumnya.

Islamisasi ilmu bertujuan untuk melindungi Muslim dari ilmu pengetahuan yang menyesatkan manusia sehingga membawa kepada kekeliruan pemikiran, di samping menghasilkan ilmu yang benar agar manusia dapat mengenali fitrah diri sendiri dan Allah Taala.

Islamisasi juga merupakan satu usaha untuk mengeluarkan ummah dari kelesuan. Al Faruqi berpandangan bahawa cara hidup Barat yang mengakar dalam kehidupan Muslim adalah berlandaskan kepada unsur-unsur asing. Unsur-unsur ini telah masuk melalui pendidikan, mengakibatkan pendidikan di negara-negara Islam telah terpecah kepada 2 sistem utama iaitu sistem moden dan sistem Islam.

Lebih membimbangkan lagi apabila pengajian di universiti negara-negara Islam mula menjadi “senada” dengan Barat berikutan para pensyarah yang menuntut di negara-negara Barat membawa pulang ideologi Barat ke dalam negara asal mereka. Selain itu, buku teks yang menjadi rujukan di universiti negara Islam juga dihasilkan oleh sarjana Barat yang berfikiran sekular. Sistem pendidikan seperti ini, bukan menjadi penyelesaian kepada kemelut ummah, tetapi menambah dan memperkukuhkan lagi pandangan alam Barat dalam pemikiran umat Islam dari satu generasi ke generasi yang berikutnya.

Tidak dapat tidak, proses Islamisasi ilmu mesti dilaksanakan segera, dengan matlamat untuk mengatasi masalah dikotomi antara sistem sekular dan sistem Islam dalam pendidikan dan menggantikannya dengan sistem pendidikan yang bersepadu (Abdul Rashid Moten, 2006).

4.0 Takrif Islamisasi

Sebelum melanjutkan perbincangan, terlebih dahulu takrif Islamisasi perlu diperjelas kerana perbezaan takrif akan mengarahkan kepada metodologi Islamisasi ilmu yang turut berbeza.

Menurut Al Attas, Islamisasi adalah,

“Pembebasan manusia daripada tradisi magis, mitologis, animistik, budaya kebangsaan yang bertentangan dengan Islam dan daripada belenggu fahaman sekular terhadap pemikiran dan bahasa...juga pembebasan daripada kawalan dorongan fizikalnya yang cenderung sekular dan tidak adil terhadap hakikat diri atau jiwanya, kerana manusia dalam wujud fizikalnya, cenderung lupa terhadap hakikat dirinya yang sebenarnya, menjadi jahil akan tujuan sebenar dan berbuat tidak adil terhadapnya” (Al Attas dalam Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2005).

Khusus dalam kaitannya dengan pengetahuan masa ini, Al Attas mentakrifkan Islamisasi sebagai “pembebasan ilmu pengetahuan daripada pentafsiran yang berdasarkan ideologi, makna dan ungkapan sekular” (Al Attas dalam Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2005).

Dengan lebih spesifik, Al Attas menjelaskan maksud Islamisasi ilmu seperti berikut :-

“.....after the isolation process referred to, the knowledge is free of the Western elements and key concepts isolated are then infused with the Islamic elements and key concepts which, in view of their fundamental nature as defining the fitrah, in fact imbue the knowledge with the quality of its nature and purpose and thus makes it true knowledge....” (Al Faruqi, 1982).

Pengasingan (*isolation*) konsep Barat yang dimaksudkan oleh Al Attas meliputi konsep dualisme, humanisme, sekularisme dan tragedi yang mana kesemua konsep ini banyak terdapat dalam bidang sains sosial (Al Faruqi, 1982).

Al Attas selanjutnya menjelaskan bahawa proses Islamisasi ilmu juga perlu melibatkan Islamisasi bahasa kerana bahasa, pemikiran dan pena'akulan sesuatu bidang ilmu saling berkait rapat. Islamisasi bahasa akan mengarah kepada Islamisasi pemikiran dan penaakulan. Contohnya, penurunan Al Quran yang telah mengislamisasikan bahasa Arab jahiliyyah di Mekah dan dalam kalangan bangsa Arab amnya (Al Faruqi, 1982).

Al Faruqi pula mentakrifkan Islamisasi ilmu sebagai proses mengubah ilmu pengetahuan semasa agar selari dengan Islam. Menurut beliau, “ *to recast knowledge as Islam relates to it, is to Islamize it.*” Ini bermaksud, (dengan mengambil kata penulisan Al Faruqi) *.....to redefine the data, and to reorder the data, to rethink the reasoning and relating of the data, to reevaluate the conclusions, to reproject the goals and to do so in such a way as to make the disciplines enrich the vision and serve the cause of Islam.* (Al Faruqi, 1982).

Pentakrifan di atas menunjukkan bahawa Islamisasi melibatkan usaha mendefinisikan, menyusun, memikir dan menstukturkan semula data, menilai kesimpulan yang dibuat dan memprojekkan semula matlamat sesuatu disiplin ilmu agar bertepatan dengan syariat Islam.

Pentakrifan beliau yang lebih konkrit mengenai Islamisasi ilmu turut terarah kepada proses menghasilkan buku teks peringkat pengajian di universiti. Hal ini dinyatakan oleh Al Faruqi seperti berikut :-

“.....to islamize the disciplines or better to produce university level text books recasting twenty disciplines in accordance with Islamic vision.”

Langkah-langkah yang tersusun untuk merealisasikan gagasan Islamisasi ilmu dari sudut pandangan Al Faruqi akan dihuraikan dalam sub-topik metodologi Islamisasi ilmu dengan lebih panjang.

5.0 Skop / Bidang Islamisasi

Sesetengah sarjana Muslim menyatakan bahawa frasa Islamisasi ilmu adalah kurang sesuai kerana termasuk di dalamnya maksud semua bidang ilmu yang perlu diislamisasikan, termasuklah ilmu Islam tradisional (*turath*) yang bersumberkan Al Quran dan As Sunnah. Oleh yang demikian, frasa “Islamisasi Ilmu Semasa” atau “Islamisasi Ilmu Masa Kini” adalah lebih tepat untuk digunakan dengan merujuk kepada ilmu moden Barat (Rosnani Hashim & Imron Rossidy, 2006).

Al Attas adalah salah satu tokoh yang menggunakan istilah “Islamisasi ilmu semasa” secara konsisten, berbanding dengan hanya menyatakan “Islamisasi ilmu” secara umum. Ini disebabkan beliau tidak memasukkan ilmu Islam dalam skop Islamisasi ilmu.

Al Faruqi pula lebih cenderung untuk menggunakan istilah “Islamisasi Ilmu Moden” ataupun “Islamisasi Disiplin Ilmu” dalam menyampaikan pemikirannya mengenai gagasan ini. Walaupun demikian, skop Islamisasi ilmu yang dipersetujui oleh mereka berdua adalah “Islamisasi ilmu moden sekular Barat” atau “*Islamization of modern Western secular knowledge*” (Rosnani Hashim & Imron Rossidy, 2006).

Dari sudut yang lain, Fazlur Rahman melihat ilmu moden tetap baik. Malah terdapat idea dan teori dalam bidang ilmu moden yang bersesuaian dengan Islam. Yang menjadikan ilmu itu baik ataupun sebaliknya bergantung kepada cara manusia mengaplikasikannya (Mohd. Shafiq).

Pada pandangan sesetengah sarjana Islam, termasuklah Al Attas, proses mengislamisasikan ilmu pengetahuan tidak meliputi ilmu Islam tradisional kerana ilmu-ilmu tersebut tidak pernah memisahkan Allah sebagai sumber ilmu dan kebenaran. Kedua, ilmu-ilmu tersebut telah pun melalui proses Islamisasi oleh para ilmuan Islam terdahulu yang menyepadukan pemikiran dan penaakulan akal fikiran dengan wahyu Ilahi, keimanan dengan ilmu serta amal soleh untuk memenuhi tuntutan material dan spiritual kehidupan pada zaman tersebut (Rosnani Hashim & Imron Rossidy, 2006).

Mengenai ilmu wahyu, terdapat juga beberapa tokoh yang berpandangan ilmu wahyu turut perlu ‘digerakkan’ bersama dalam Islamisasi Ilmu.

Terdapat banyak ruang dalam bidang ilmu wahyu yang perlu dibangunkan agar ia bersesuaian dengan permasalahan ummah pada hari ini. Teori dan pemahaman tentang “*maqasid syar’iyyah*” adalah sangat perlu untuk perkembangan bidang ilmu wahyu (Ibrahim Ragab, 1993).

Di samping itu, Fazlur Rahman turut bersependapat dengan Al Faruqi yang menyatakan Islamisasi Ilmu Moden tidak dapat dijalankan dengan sempurna melainkan ilmu tradisi Islam (turath) diislamisasikan bagi menampung beberapa kelompangan ilmu turath (Mohd. Shafiq).

Sebaliknya, Nasr tidak melihat apa-apa kekurangan dalam ilmu tradisi Islam. Beliau menyarankan agar dijalankan proses penterjemahan ilmu Barat ke dalam Bahasa Arab atau bahasa yang difahami oleh orang-orang Islam. Ini disebabkan oleh perkembangan ilmu hari ini juga adalah berasaskan ilmu yang dijana oleh sarjana Muslim terdahulu. Maka jika semua ilmu moden dapat difahami dan diaplikasi dalam atmosfera Muslim, ilmu tersebut dapat diserap secara positif ke dalam tamadun Islam pada hari ini (Mohd. Syafiq).

6.0 Metodologi Islamisasi

Dalam kertas kerja ini, penulis hanya memfokuskan metodologi Islamisasi oleh Al Attas dan Al Faruqi kerana kedua-dua tokoh ini adalah perintis kepada gagasan Islamisasi ilmu.

6.1 Metodologi Al Attas

Al Attas menjelaskan Islamisasi ilmu hanya melibatkan 2 proses yang saling berhubungan iaitu:-

- i) Pemisahan unsur dan kefahaman yang membentuk kebudayaan dan peradaban Barat, daripada setiap cabang ilmu pengetahuan masa kini, khususnya ilmu humaniora. Manakala ilmu sains fizika harus diislamisasikan dalam lingkup interpretasi fakta dan formulasi teori. Al Attas menyarankan agar umat Islam bersifat kritis dalam menilai dan menguji kaedah, konsep, teori serta nilai yang terdapat dalam ilmu moden.
- ii) Pemasukan unsur-unsur Islam dan kefahaman asas ke dalam setiap cabang ilmu pengetahuan masa ini yang relevan.

Langkah yang kedua ini mensyaratkan pemahaman yang mendalam tentang bentuk jiwa dan sifat-sifat Islam sebagai agama, kebudayaan dan peradaban.

Ini adalah kerana, dengan pemahaman yang mendalam terhadap perkara yang disebutkan di atas, setiap maklumat atau idea daripada sumber apapun dapat diislamisasikan dan diletakkan di tempat yang sesuai dan tepat selaras dengan pandangan alam Islam tentang kebenaran dan realiti (Al Attas dalam Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2005).

Dalam menghuraikan perhubungan kedua-dua proses yang disarankan oleh Al Attas ini, dapat disimpulkan prinsip-prinsip khusus yang dipegang oleh Al Attas iaitu :

- i) Islamisasi ilmu pengetahuan adalah kerja-kerja kognitif dan spiritual yang terjadi secara bersamaan tanpa ada selang waktu. Pemisahan unsur yang tidak Islami dan pemasukan unsur Islami berjalan secara serentak.
- ii) Seseorang yang menjalankan proses Islamisasi harus terlebih dahulu memiliki pemahaman yang mendalam tentang pandangan alam Islam mengikut semua unsur dan konsep kuncinya.
- iii) Islamisasi ilmu adalah suatu proses integral yang banyak persamaannya dengan kalimah syahadah. Pemisahan konsep Barat yang tidak Islami daripada bidang

pengetahuan, tidak berarti konsep Barat itu seluruhnya tidak berguna (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2005).

Dalam metodologi beliau, telah ditegaskan bahawa ilmu bukanlah semata-mata bersumberkan pemikiran dan pengalaman manusia, tetapi juga harus sentiasa dipimpin oleh wahyu. Oleh yang demikian, Islamisasi ilmu semasa hanya dapat diterima apabila ia berada dalam kerangka kerja Islam.

Selain itu, Al Attas juga memperincikan dan menjelaskan beberapa konsep dasar Islam yang harus dimasukkan ke dalam tubuh ilmu apa pun yang dipelajari oleh umat Islam. Konsep dasar Islam yang dimaksudkan termasuklah konsep din, manusia (insan), ilmu (ilm dan ma^crifah), keadilan, amal dan adab serta semua istilah dan konsep yang berhubungan dengan semua itu (Al Attas dalam Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2005).

Konsep-konsep asas ini pula mestilah terhubung dengan tauhid, syariah, sirah, sunnah dan juga sejarah (tarikh) selain merujuk kepada elemen tasawwuf, falsafah Islam, akhlak dan adab selain memahami Bahasa Arab dan pandangan alam Islam secara umum (Al Attas dalam Rosnani Hashim, 2006).

6.2 Metodologi Al Faruqi

Al Faruqi berpandangan tugas untuk mengislamisasikan ilmu baik untuk menjadikan setiap disiplin ilmu moden itu selari dengan pandangan Islam ataupun ke arah penghasilan buku teks diperingkat universiti, tidak boleh semata-mata mengikut metodologi tradisional Islam (*Islamic tradisional methodology*) berdasarkan beberapa kekurangan pada metodologi itu.

Secara ringkas, kekurangan yang dimaksudkan oleh Al Faruqi adalah, yang pertama, keterbatasan maksud istilah-istilah seperti *fiqh*, *faqih*, *ijtihad* dan *mujtahid*. Dengan mengambil salah satu contoh, maksud *fiqh* yang hanya berkait dengan ilmu ulum syariah daripada memaksudkan seluruh ilmu Islam seperti mana yang digunakan di dalam AL Quran. Keduanya adalah pemisahan antara wahyu dan akal. Ketiga adalah pemisahan antara pemikiran dan tindakan. Hasilnya, pemikiran hanya berfokus kepada perkara yang ideal berbanding dengan perkara realiti. Kekurangan yang terakhir adalah dualisma dalam budaya dan keagamaan, bertentangan dengan satu jalan yang menyepadukan seluruh kecenderungan dan aktiviti manusia (Al Faruqi, 1982).

Jika dilihat dari metodologi yang dicadangkan oleh Al Faruqi, dapat dinyatakan bahawa proses Islamisasi ilmu adalah pembentukan semula dan penstrukturan semula seluruh bidang ilmu manusia secara tertib dan sistematik (Abd. Rashid Moten, 2006).

Namun begitu, sebelum diterangkan langkah-langkah Islamisasi ilmu satu per satu, Al Faruqi malatakan 5 prinsip utama yang menjadi asas metodologinya.

i) Kesatuan Allah (*The unity of Allah*)

Prinsip ini adalah prinsip yang utama. Ia mengakui bahawa Allah adalah Maha Esa, Pencipta sekalian alam. Segala amalan yang dilakukan oleh setiap Muslim wajib diikhaskan hanya semata-mata kepadaNya.

ii) Kesatuan Kejadian (*The unity of Creation*)

Seluruh alam ini dijadikan oleh Allah yang Maha Esa. Sistem yang berlaku dalam alam ini, adalah berlandaskan kepada susun atur yang ditadbir oleh Allah. Keseluruhannya adalah untuk kesenangan dan kemudahan manusia. Maka dengan itu, manusia haruslah sentiasa bersyukur kepada Allah.

iii) Kesatuan Kebenaran dan Ilmu (*The Unity of Truth and the Unity of knowledge*)

Kesatuan dalam kebenaran diterima berikutan dari keesaan Allah. Jika Allah adalah Esa, maka kebenaran juga adalah nyata dan Haq. Ini adalah kerana Allah mengetahui kebenaran dan menyatakan dalam wahyu. Maka dengan itu, wahyu tidak akan bercanggah dengan akal dan reality atau fakta. Seandainya berlaku percanggahan, ia bermakna berlaku kesilapan manusia dalam menyelidik, mengkaji dan memahami wahyu.

iv) Kesatuan kehidupan (*The unity of Life*)

Alam ini terbahagi kepada 2 iaitu hukum alam yang tidak diubah dan yang keduanya adalah tindakan atas pilihan manusia. Ibadah dalam Islam, bukanlah semata-mata amalan wajib yang telah ditetapkan. Tetapi, seluruh kehidupan adalah ibadah kepada Allah, sekiranya diniatkan ikhlas semata-mata keranaNya. Hal ini akan membawa kepada kemajuan budaya dan ketamadunan yang tinggi dalam hidup manusia dengan jaminan keamanan dan perlindungan kehidupan dan harta. Tambahan pula, syariah islam itu adalah lengkap dan mencakupi seluruh aktiviti manusia dalam hidupnya, maka seharusnya tiada pemisahan antara agama dan hidup di dunia.

v) Kesatuan Kemanusiaan (*The unity of humanity*)

Perbezaan manusia dari sudut warna kulit, bangsa dan rupa tidak menjadi ukuran Allah. Setiap manusia adalah sama di sisi Allah Taala, melainkan amal soleh. Insan yang lebih taqwanya adalah insan yang lebih mulia di sisi Allah (Al Faruqi, 1982).

Kelima-lima kesatuan ini, diletakkan oleh Al Faruqi untuk merealisasikan paradigma tauhid kepada Allah (Ibrahim Ragab, 2006) dan menggantikan ideologi dualism yang memisahkan antara dunia dan agama, kehidupan di dunia dan di akhirat dan sebagainya.

Pada asalnya, Al Faruqi menyiapkan 12 langkah sebagai memenuhi tuntutan Islamisasi Ilmu iaitu penguasaan disiplin ilmu moden, kajian mendalam bidang tersebut, penguasaan turath dari sudut antropologi, penguasaan dan penganalisan turath, membina kerelevanan Islam terhadap ilmu moden, penilaian kritikal terhadap disiplin ilmu moden, penilaian kritikal terhadap ilmu turath, mengenalpasti masalah ummah, mengenalpasi masalah manusia seluruhnya, penganalisan dan sintesis kreatif antara ilmu moden dan ilmu turath Islam, mengubah bidang ilmu moden agar di bawah kerangka Islam (menghasilkan buku teks universiti) dan penyebaran ilmu yang dihasilkan (Al Faruqi, 1982).

12 langkah ini, mencakupi 3 perkara atau fasa utama. Yang pertama sekali adalah penguasaan disiplin ilmu moden. Penguasaan ini melibatkan penilaian yang kritikal terhadap metodologi ilmu tersebut, hasil dapatan dan teori yang membina pengetahuan dalam bidang tersebut mengikut pandangan alam Islam.

Yang kedua pula adalah, penguasaan turath dalam bidang tersebut, yang memerlukan ulama Islam menilai secara kritis dari perspektif wahyu, keperluan ummah terhadap bidang yang dikaji serta perkaitannya dengan kemajuan dalam bidang ilmu pengetahuan manusia kini.

Yang terakhir sekali, barulah proses sistesis anantara ilmu moden dan ilmu Islam dilakukan untuk membina penghubung yang positif supaya umat Islam mendapat pengetahuan yang sebenar di samping mengatasi masalah ketinggalan dalam bidang ilmu yang sudah jauh dicapai oleh Barat (Ibrahim Ragab, 2006)

Turutan setiap fasa mesti diikuti satu persatu untuk menyusun semula ilmu di bawah kerangka ilmu dengan lebih tepat dan teratur (Ab. Rashid Moten, 2006).

Al Faruqi turut menyarankan usaha sokongan terhadap Islamisasi ilmu iaitu menyepadukan 2 sistem pendidikan dan memasukkan visi Islam dan budaya ilmu yang tinggi dalam diri guru-guru dan semua pensyarah Muslim. Selain itu, Al Faruqi turut mencadangkan agar kursus Tamadun Islam dijadikan kursus teras di universiti, agar belia Islam dapat mengambil semangat kegemilangan Tamadun Islam suatu ketika dahulu (Al Faruqi, 1982).

6.3 Analisa Perbandingan pemikiran Al Attas dan Al Faruqi dalam Islamisasi Ilmu

Terdapat beberapa persamaan yang dikongsi oleh kedua-dua tokoh ini. Pertamanya, kedua-dua tokoh ini bersetuju untuk meletakkan Islamisasi ilmu di bawah paradigma tauhid sebagai syarat utama. Al Attas menyatakan hal ini dalam pandangan beliau mengenai elemen asas yang perlu ada bagi mendokong Islamisasi ilmu, iaitu Tauhid kepada Allah, manakala Al Faruqi menegaskan hal ini dalam 5 prinsip kesatuan yang penting untuk mendasari metodologi Islamisasi ilmu. Ini adalah untuk memastikan keseluruhan ilmu yang berkembang khususnya di peringkat universiti selari dengan pandangan alam Islam berlandaskan Al Quran dan As Sunnah, bukannya sekadar meniru dan merujuk ideologi Barat, walaupun perkembangan ilmu moden pada hari ini, didominasi oleh Barat.

Dari sudut pandangan terhadap ilmu juga, terdapat banyak persamaan. Al Attas dan Al Faruqi bersetuju bahawa ilmu bukanlah bersifat neutral ataupun bebas nilai, kerana sesuatu pemahaman ataupun nilai boleh dimasukkan ke dalam ilmu tersebut. Tambahan pula, ilmu moden telah melalui proses sekularisasi dan pembaratan sehingga mengakibatkan nilai ilmu yang hakiki, iaitu yang selari dengan wahyu, hilang. Sedangkan ilmu adalah dari Allah dan tidak akan bercanggah dengan wahyu. Di samping itu, metodologi ilmu Barat yang semata-mata bersandarkan kepada rasional dan empirikal menambah lagi nilai ilmu itu untuk cenderung ke arah pandangan Barat.

Selain itu juga, mereka berkongsi keyakinan bahawa Allah adalah sumber ilmu pengetahuan dan ilmu adalah asas kepada keimanan dan amal soleh (Rosnani Hashim & Imron Rossidy, 2006).

Seperti yang dinyatakan di awal kertas ini, mereka berpendapat bahawa masalah ummah adalah berpunca dari sistem pendidikan dualisme di negara-negara Islam. Penyelesaiannya adalah Islamisasi ilmu yang mana perlunya, unsur sekular dikeluarkan dan diselatikan ilmu tersebut dengan konsep pandangan alam Islam (Rosnani Hashim & Imron Rossidy, 2006).

Langkah yang disarankan oleh Al Faruqi ini, mungkin disebabkan pengalaman peribadi beliau sendiri yang mengikuti sistem pengajian di Barat. Sarjana Muslim yang berpendidikan Barat seperti beliau sering mengalami masalah untuk memahami dan mengkaji kitab turath (Abd. Rashid Moten, 1982).

Oleh sebab itu, Al Faruqi berpandangan, pertama-tamanya para sarjana Muslim berpendidikan Barat perlu mendapatkan bantuan daripada ulama untuk memahami antologi dari turath. Seterusnya, dalam langkah analisa kritikal dan sintesis kreatif antara ilmu moden dan ilmu Islam, mereka pula yang berperanan penting lantaran mereka memahami dengan jelas metodologi penyelidikan Barat dan berkebolehan mengubahnya mengikut paradigma Islam (Al Faruqi, 1982).

Penekanan Al Faruqi tentang peranan ulama dalam mengislamisasikan ilmu, dan perlunya umat Islam merujuk kembali kepada sumber-sumber asal Islam termasuk turath, menggambarkan Al Faruqi sebagai seorang sarjana Muslim yang amat mementingkan kerangka konsep Islam, walaupun beliau berpendidikan Barat.

Nasr, seorang sarjana Islam kontemporari pula, bukan sahaja berstuju dengan metodologi Al Faruqi yang memulakan dengan ilmu moden, malah beliau menegaskan perkara itu adalah perlu dan tidak boleh dikesampingkan. Beliau menyatakan :-

“ Muslim thinkers must integrate various forms of knowledge within themselves by not only accepting but also often criticizing and rejecting prevalent structures and premises of many of the sciences, and then write text books in which a particular subject whether it be anthropology or astronomy is treated from the Islamic point of view as was done by Ibn Sina or Ibn Khaldun centuries ago.” (Ashraf dalam Rosnani Hashim & Imron Rossidy, 2006).

Ashraf pula adalah salah satu tokoh yang tidak bersetuju dengan metodologi Al Faruqi yang memulakan proses Islamisasi ilmu dengan ilmu moden. Dengan kecenderungan terhadap metodologi Al Attas, beliau menegaskan proses Islamisasi ilmu seharusnya bermula dengan menyelidiki dan memahami ilmu Islam terlebih dahulu (Rosnani Hashim & Imron Rossidy, 2006).

Kelebihan utama memulakan Islamisasi ilmu dengan ilmu moden berpihak kepada sarjana yang memang sudah mendalami dan berkecimpung dalam ilmu moden dari peringkat pengajian. Golongan ini telah pun biasa dengan tema dan konsep ilmu dalam bidang tersebut. Ini memudahkan mereka untuk mengkaji ilmu dengan lebih mendalam mengenai konsep yang sama yang telah digunakan oleh sarjana Islam terdahulu. Dari konsep ini, mereka dapat mencari tapak dan asas untuk mengkaji kerelevanan ilmu ini dengan Al Quran dan As Sunnah. Seterusnya, sedikit demi sedikit mereka dapat mengubahsuai dan menggantikan konsep Barat dengan pandangan alam Islam (Ibrahim Ragab, 2006).

Namun, pilihan untuk memulakan Islamisasi ilmu dengan ilmu moden ini mempunyai risiko yang tersendiri. Seandainya, pegangan akidah tauhid tidak kukuh, seseorang pengkaji boleh terpengaruh dan terperangkap dengan pandangan Barat yang hanya mengutamakan akal dan rasional semata-mata (Ibrahim Ragab, 2006).

Cara untuk mengatasi masalah ini, adalah dengan melaksanakan proses ini secara perbincangan yang melibatkan sarjana-sarjana lain, agar kekeliruan yang timbul dapat diperbetulkan dan diselaraskan dengan kehendak hakiki Islam.

Pandangan Al Attas yang menyatakan Islamisasi ilmu patut dimulakan dengan melihat sumber utama Islam juga mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tersendiri. Kelebihan yang paling utama adalah pergantungan kaedah ini kepada Al Quran dan As Sunnah yang

mana kedua adalah sumber rujukan tertinggi dalam Islam. Pengkaji dapat terpelihara dari “termakan” pandangan dan ideology Barat yang menyesatkan (Ibrahim Ragab, 2006).

Masalah yang timbul adalah apabila terputusnya umat Islam zaman sekarang dengan kerja dan hasil penyelidikan tokoh-tokoh Muslim yang lepas sejak sekian lama. Jadi, apabila pengkaji memulakan penyelidikan dengan menggunakan konsep yang terdahulu, pengkaji akan menghadapi jurang pemisah yang besar dengan konsep semasa. Terminologi Al Quran dan Al Hadis juga perlu dihuraikan dan dikembangkan untuk membina kerangka konsep bidang ilmu itu secara menyeluruh (Ibrahim Ragab, 2006).

Maka, adalah disyorkan untuk setiap sarjana Islam memulakan Islamisasi ilmu dari sumber yang mereka biasa, seterusnya sedikit demi sedikit bergerak untuk melengkapinya sudut lain yang diperlukan.

Dari segi perbincangan Islamisasi ilmu, penghuraian yang diberikan oleh Al Attas lebih menyeluruh dan mencakupi semua aspek. Dari pengertiannya yang diberikan oleh beliau, Al Attas menyentuh tentang pentingnya Islamisasi individu dan masyarakat dalam Islamisasi ilmu. Islamisasi bahasa juga dititikberatkan kerana bahasa adalah asas kepada pemikiran dan penaakulan seseorang. Penerangan yang mendalam juga turut disampaikan oleh Al Attas yang menampakkan kepada pembaca perkaitan antara manusia, ilmu, iman dan juga pendidikan (Rosnani Hashim & Imron Rossidy, 2006).

Di samping itu, Al Attas turut menjelaskan cara yang lebih jelas dalam menghadapi sekularisasi yakni dengan memantapkan pemahaman agama Islam dan juga memahami falsafah ilmu Barat agar dapat dibuat perbandingan dari perspektif Islam. (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2005). Ia menunjukkan memahami kebatilan (*secular*) yang wujud pada ilmu Barat juga adalah ilmu yang mesti dikuasai oleh umat Islam.

Titik tolak yang menjadi sebab utama kepentingan Islamisasi antara kedua-dua tokoh ini juga berbeza. Al Attas melihat Islamisasi ilmu sebagai usaha mendepani cabaran sekularisme, manakala Al Faruqi melihat kelesuan ummah yang berpunca dari sistem pendidikan dualisme dan kebekuan turath dalam menyelesaikan permasalahan ummah sebagai faktor pendesak terhadap gagasan ini.

Aspek lain yang turut berbeza adalah dari sudut skop Islamisasi. Al Attas antara tokoh yang tidak bersetuju untuk meletakkan ilmu Islam (*religious sciences*) dalam skop atau bidang yang perlu diislamisasikan kerana ilmu ini kerana ia sememangnya dari Allah Taala. Yang menjadi masalah adalah ilmu moden Barat yang disekularkan.

Manakala Al Faruqi pula memasukkan ilmu Islam sebagai ilmu yang perlu digerakkan dan dibangunkan semula dalam proses Islamisasi ilmu supaya relevan dengan tuntutan dan realiti semasa masyarakat Islam pada hari ini. Pandangan Al Faruqi tentang hal ini

mengundang pelbagai reaksi sarjana Muslim khususnya golongan yang berpendidikan Islam. Mereka menyatakan Islam yang disyariatkan oleh Allah sudah pun lengkap dan sesuai dengan kehidupan manusia, tanpa mengira keadaan dan zaman. Sebetulnya, keadaan semasa yang harus disesuaikan, diubah dan dibentuk agar relevan dan bertepatan dengan Islam, bukan sebaliknya.

Oleh itu, hasrat Al Faruqi untuk menggerakkan ilmu Islam bagi menyelesaikan permasalahan ummah, lebih sesuai dinyatakan sebagai reformasi ilmu Islam ataupun penstrukturan semula ilmu Islam, bukan sebagai Islamisasi ilmu.

Tambahan pula, langkah untuk merujuk turath di sisi Al Attas adalah bertujuan untuk membandingkan ilmu moden Barat dengan pandangan Islam, bukannya untuk mencipta kerelevanan Islam dengan keadaan semasa (Rosnani Hashim & Imron Rossidy, 2006).

Perbezaan yang paling ketara antara kedua tokoh ini adalah dari sudut metodologi yang digunakan. Al Attas mementingkan pengasingan dan pembuangan unsur sekular dari ilmu moden. Itu merupakan langkah yang pertama dalam metodologi beliau. Beliau tidak bersetuju dengan metodologi Al Faruqi yang melibatkan proses sintesis and integrasi antara konsep ilmu Islam dan ilmu Barat, dengan matlamat agar konsep Islam dapat dimodenkan dan konsep sekular dapat diislamisasikan (Rosnani Hashim & Imron Rossidy, 2006).

Menurut Al Attas, hal ini adalah sesuatu yang mustahil dan akan menimbulkan masalah kerana Islam dan sekular umpama minyak dengan air yang tidak akan dapat bercampur. Konsep Islam dan konsep Barat hanya akan dapat disepadukan apabila elemen sekular dikeluarkan dari ilmu tersebut (Rosnani Hashim & Imron Rossidy, 2006).

7.0 Rumusan / Kesimpulan

7.1 Sudut Islamisasi Ilmu

7.1.1 Gagasan Islamisasi adalah sangat relevan dan penting sebagai memenuhi tuntutan semasa umat Islam bagi memerangi fahaman sekularisme. Proses Islamisasi ilmu adalah proses menajamkan akal dan daya intelektual serta mempercambahkan kreativiti umat Islam dalam memahami, menghayati ajaran Islam itu sendiri serta membuat perbandingan dengan pandangan alam Barat terhadap sesuatu bidang ilmu. Hal ini membuka pintu ijtihad yang lebih luas dalam menyelesaikan permasalahan semasa yang timbul dalam kalangan ummah.

7.1.2 Usaha Islamisasi ilmu bukanlah usaha individu. Ia melibatkan proses yang menyeluruh (mencakupi semua bidang, khususnya ilmu moden) dan perlu dilakukan secara kolektif (kerjasama antara ulama dan ilmuan Islam dalam ilmu moden), dengan mengikut metodologi yang teratur dan tersusun.

7.2 Sudut sumbangan tokoh

7.2.1 Dengan berpihak kepada metodologi Al Attas, penulis tidak menafikan kepentingan langkah-langkah yang diuraikan oleh Al Faruqi. Kedua-kedua tokoh ini berkongsi hasrat yang sama iaitu untuk membangunkan semula ummah serta menyelesaikan krisis pendidikan umat Islam, berlandaskan cahaya petunjuk Al Quran dan As Sunnah. Jika diamati, faktor perbezaan metodologi mereka sangat berkait rapat dengan latar belakang tempat mereka dibesarkan dan yang lebih penting, latar belakang pendidikan mereka yang berbeza. Perbezaan ini satu rahmat dan memberi alternatif kepada sarjana Islam yang lain untuk merealisasikan Islamisasi ilmu mengikut kesesuaian bidang masing-masing.

7.2.2 Sumbangan kedua-dua tokoh ini dalam merintis gagasan Islamisasi ilmu penting untuk diiktiraf dan dihargai. Pemikiran mereka berdua boleh dijadikan asas perbincangan yang kukuh mengenai proses Islamisasi ilmu untuk difahami, dihayati dan diperbahaskan serta dikembangkan oleh seluruh sarjana Muslim yang sehingga ke hari ini (walaupun gagasan Islamisasi ilmu telah bermula semenjak 1980-an) perbincangan mengenainya serta perlaksanaannya masih relevan dan perlu.

7.3 Peranan masyarakat awam Islam

7.3.1 Seluruh umat Islam harus mempunyai budaya ilmu yang tinggi dan semangat Islam untuk menguasai ilmu naqli dan ilmu moden / ilmu aqli. Budaya ilmu ini mestilah didasari dengan aqidah yang mendalam terhadap Allah Taala, agar semangat keislaman sentiasa segar dan tidak luntur oleh ideologi-ideologi yang disebarkan oleh musuh-musuh Islam terutamanya sekularisme.

7.3.2 Keseluruhan perbincangan Islamisasi ilmu menunjukkan peri pentingnya umat Islam kembali berpegang kepada sumber asal Islam, iaitu Al Quran dan As Sunnah serta mengkaji hasil tulisan ulama terdahulu. Aspek ini jugalah yang perlu wujud dalam sistem pendidikan umat Islam, dengan keyakinan sumber-sumber utama Islam sesuai tanpa mengira zaman dan keadaan.

WALLAHU A'LAM

RUJUKAN

Ab. Rashid Moten. 2006. Approaches to Islamization of Knowledge : A Review. Dlm. Mohd. Yusof Hussain (pnyt.). *Islamization of Human Sciences*. hlm.49-72. Kuala Lumpur : Research Centre, IIUM.

Al Faruqi. 1982. Islamization of Knowledge : General Principles & Work Plan. Herndon : IIIT

Ibrahim Ragab. 2006. The Methodology of Islamizing Human Sciences. Dlm. Mohd. Yusof Hussain (pnyt.). *Islamization of Human Sciences*. hlm.73-102. Kuala Lumpur : Research Centre, IIUM.

Islam and Purpose of Knowledge Series No. 5. 1988. Herndon : IIT

Rosnani Hashim & Imron Rossidy. 2006. A Comparative Analysis of the Conceptions of al-Attas and al-Faruqi. Dlm. Mohd. Yusof Hussain (pnyt.). *Islamization of Human Sciences*. hlm. 101- 126. Kuala Lumpur : Research Centre, IIUM.

Toward Islamization of Disciplines Series No. 6. 1989. Herndon : IIT

Wan Mohd. Daud. 2005. *Falsafah dan amalan Pendidikan Islam menurut Syed Naquib Al Attas Satu Huraian Konsep asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

http://en.wikipedia.org/wiki/Islamization_of_knowledge<http://>

www.ibrahimragab.com/ebooks-11

<http://www.ismailfaruqi.net/2007/01/23/defining-islamic-traditionalism-first-principles-in-the-islamization-of-thought/>

